



1,000 anak pokok ditanam sempena Hari Hutan Antarabangsa

Sebanyak 1,000 anak pokok ditanam sekitar kampus Universiti Malaysia Pahang (UMP) kampus Pekan bersempena Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun 2013 bertemakan 'Hutan Untuk Kesejahteraan Masyarakat' anjuran Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar yang menyaksikan negeri Pahang sebagai tuan rumah penganjuran dan pemilihan UMP sebagai lokasi majlis berlangsung meriah.

Majlis dirasmikan Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Adnan Haji Yaakob.

Di antara spesies pokok bersesuaian dengan keadaan jenis kawasan tanah gambut yang ditebusguna ini adalah dari jenis Merawan Siput Jantan, Bintangor Laut, Kelat Jambu Laut, Kelat Merah, Bunga Tanjung, Beruas Penaga Lilin, Kasai, Asoka dan Sentol bagi mewujudkan suasana kehijauan di kawasan kampus.

Usaha melibatkan seramai 1,000 mahasiswa UMP ini berjaya menyokong usaha kerajaan dalam menjayakan program 'Kempen Menanam 26 juta pokok' yang bertemakan 'Hijaukan Bumi: Satu Warga Satu Pokok'. Menariknya setiap pokok yang ditanam akan diberikan label nama pelajar mengikut pemilik pokok tersebut.

Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, Dato' Profesor Dr. Haji Abd. Rahman Haji Abd. Rahim, berkata, Sambutan Hutan Antarabangsa pada tahun ini lebih bermakna apabila buat pertama kalinya ianya disambut

serentak pada tarikh 21 Mac di seluruh dunia selaras dengan resolusi yang dibuat dalam Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ke-67 pada tahun lalu.

"Pemilihan lokasi di UMP sebagai tapak sambutan tahun ini memberi peluang kepada mahasiswa UMP untuk bersama-sama menanam pokok bagi mewujudkan kesedaran dan semangat kecintaan terhadap hutan yang diharapkan dapat diperluas dengan inisiatif masing-masing di lain-lain kawasan," katanya dalam menyampaikan ucapan di Dataran Pusat Aktiviti Pelajar UMP Kampus Pekan pada 21 Mac 2013 yang lalu.

Katanya, sambutan ini merupakan satu petanda aras kepada usaha-usaha meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap peranan hutan kepada komuniti masyarakat di antaranya berkaitan air, oksigen, makanan, kayu-kayuan, pokok hutan, rekreasi dan lain-lain.

Menurut beliau, masyarakat Malaysia seharusnya bersyukur kerana negara masih dapat mengekalkan sejumlah 56.4 peratus daripada keluasan tanah negara sebagai kawasan berhutan seiring dengan kepesatan pembangunan negara memandangkan dunia menetapkan kadar 50 peratus daripada keluasan tanah negara perlu diliputi pokok



dan kawasan berhutan.

Sementara itu, Timbalan Ketua Setiausaha (Alam Sekitar), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Dr. Abdul Rahim Nik yang membacakan teks ucapan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Sri Douglas Unggah Embas berkata, antara projek-projek strategik yang dilaksanakan di negeri Pahang ini termasuklah Pelan Bersepadu Hutan Paya Gambut, Projek Manara Mengawak Kebakaran di kawasan Penor dan Tasik Bera, projek penanaman pokok bakau di pesisiran pantai dan projek perintis Central Forest Spine (CFS) di Temerloh.

Turut hadir Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Pengarah Perhutanan Negeri Pahang, Dato' Haji Mohd. Kamaruzaman.